



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KOSA KATA AL-RABB DAN PERKAITAN MAKNANYA DENGAN ILMU  
AKIDAH DAN KONSEP KETUHANAN DALAM  
SURAH AL-BAQARAH***

**HAJI AWANG HAT BIN HAJI MOHD NOOR**

**FBMK 2014 44**



**KOSA KATA *AL-RABB* DAN PERKAITAN  
MAKNANYA DENGAN ILMU AKIDAH DAN  
KONSEP KETUHANAN DALAM  
SURAH *AL-BAQARAH***

**HAJI AWANG HAT BIN HAJI MOHD NOOR**

**MASTER BAHASA ARAB  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2014**



**KOSA KATA *AL-RABB* DAN PERKAITAN MAKNANYA  
DENGAN ILMU AKIDAH DAN KONSEP KETUHANAN  
DALAM SURAH AL-BAQARAH**

**Oleh**

**HAJI AWANG HAT BIN HAJI MOHD NOOR**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi  
keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Jun 2014**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia.



## DEDIKASI

*Ibu dan bapa yang dikasihi,  
Hj Mohd Noor Bin Awang Kechik dan Hajah Kiah Binti Pandak  
Doamu, nasihatmu dan pengorbananmu menjadi pelita  
serta panduan perjuanganku dalam kehidupan ini ....*

*Buat kedua-dua isteri yang tercinta,  
Nur Adibah Binti Solihin Sulaiman & Siti Rafiah Binti Juddin  
Kasih sayang yang dicurahkan tiada ternilai bagiku, dorongan yang diberikan  
menguatkan semangat untuk terus menuntut ilmu  
Ketabahan dan pengorbanan yang diberikan tidak ternilai*

*Buat penghibur hati dan penyejuk mata yang disayangi,  
Farisa Syatirah, Faris Haitham, Farisa Munirah, Faris Haikal,  
Faris Hakimi, Farisa Hannan, Faris Hamdi, Farisa Humaira'  
Sumber inspirasi abi..*

*Bapa mertua dan Ibu mertua yang disayangi,  
serta seluruh keluarga yang tersayang  
Terima kasih atas doa, dorongan dan sokongan selama ini..*

*Buat pendidik yang disanjung,  
Bimbingan, tunjuk ajar, dan jasamu yang diberikan tidak akan dilupakan ....*

*Buat rakan-rakan seperjuangan,  
Terima kasih di atas ukhwah yang terjalin....*

*Semoga Allah S.W.T. membalas yang terbaik untuk kalian...*

Abstrak Tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**KOSA KATA *AL-RABB* DAN PERKAITAN MAKNANYA DENGAN ILMU AKIDAH DAN KONSEP KETUHANAN DALAM SURAH AL-BAQARAH**

Oleh

**HAJI AWANG HAT BIN MOHD NOOR**

**Jun 2014**

**Pengerusi : Prof. Madya Muhammad Fauzi Bin Jumingan, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini membincangkan analisis makna *al-Rabb* dalam surah al-Baqarah. Kajian ini penting dilakukan untuk menambah pengetahuan dalam bidang semantik dan ilmu akidah secara amnya dan secara khususnya memberi gambaran yang jelas kepada pengkaji tentang makna kosa kata *al-Rabb* dalam surah al-Baqarah. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan di antara ilmu semantik dengan ilmu aqidah dan konsep ketuhanan yang terdapat dalam surah al-Baqarah melalui kajian analisis kosa kata makna *al-Rabb*. Pengkaji menggunakan kaedah berbentuk deskriptif dengan pendekatan kuantitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan kajian korpus. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat sebanyak 50 kosa kata *al-Rabb* dalam surah al-Baqarah dan terdapat lima makna yang berlainan bagi kosa kata *al-Rabb*, iaitu memelihara dan menjamin atau memenuhi keinginan yang dipelihara, membimbing serta mengawasi di samping memperbaiki dalam segala hal, tuan besar, majikan dan pemimpin, ketua yang diakui kekuasaannya dan raja atau pemilik. Hasil kajian memberikan implikasi kepada pengamal bahasa Arab secara khususnya dan kepada pelbagai lapisan masyarakat secara umumnya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Art

**THE TERM OF *AL-RABB* AND ITS MEANING RELATED TO THEOLOGY  
AND THE CONCEPT OF DIVINITY IN SURAH AL- BAQARAH**

By

**HAJI AWANG HAT BIN HAJI MOHD NOOR**

**June 2014**

**Chairman : Prof. Madya Muhammad Fauzi Bin Jumingan, PhD**

**Faculty : Modern Language and Communication**

This is a study on the analysis of the meaning of word *al-Rabb* in surah al-Baqarah. This study is important to increase knowledge in the field of semantics and knowledge of *aqidah* in general, and in particular give a clear picture of the researcher about the meaning of word *al-Rabb* in surah al-Baqarah. The main objective of this study was to examine the relationship between semantic and knowledge of *aqidah* and the concept of divinity found in surah al-Baqarah through analytical study of meaning word *al-Rabb*. The method of descriptive quantitative approach involves the study of literature and the study of the corpus. The findings showed that there were 50 words *al-Rabb* in surah al-Baqarah and there are five different meanings for word *al-Rabb* which are to nurture, guidance, supreme lord, employer or leader and king or owner. The findings have implications to the practitioners of the arabic language in particular and to all levels of society in general.

## PENGHARGAAN

Segala pujian kepada Allah S.W.T. Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang di atas limpah kurnia-Nya, sehingga terhasilnya kajian ini. Juga, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhamad S.A.W. dan keluarga serta semua muslimin dan muslimat.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada penyelia kajian, Prof. Madya Dr. Muhammad Fauzi Bin Jumingan dan Dr. Pabiyah Hj Maming atas bimbingan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian ini yang telah banyak memberi tunjuk ajar tanpa rasa jemu dalam proses menyempurnakan kajian ini.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada En. Wan Adnan Bin Wan Bidin selaku Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Berangan Tumpat yang memberikan sokongan kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini.

Tidak ketinggalan juga kepada semua pensyarah yang telah mencurahkan ilmu dan bakti sepanjang pembelajaran saya di sini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menjayakan kajian ini.

Kemaafan juga saya pinta sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan kekurangan dalam kajian ini. Akhir kata, saya berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada kita semua. Sekian.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 18 Jun 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Awang Hat Bin Mohd Noor untuk menilai tesis pengkaji yang bertajuk “Kosa Kata *Al-Rabb* dan Perkaitan Maknanya dengan Ilmu Akidah dan Konsep Ketuhanan dalam Surah al-Baqarah” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**Ab. Halim Mohamad, PhD**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Abd Rauf bin Hassan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Che Radiah Binti Mezah, PhD**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Azman Che Mat, PhD**

Profesor Madya  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA (Terengganu)  
(Pemeriksa Luar)

---

**NORITAH OMAR, PhD**

Profesor Madya dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera Bahasa Arab. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Muhammad Fauzi bin Jumingan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
University Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Pabiyah Haji Maming@ Pabiyah Tok Lubok, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: 16 Disember 2014

Nama dan No. Matrik: AWANG HAT BIN MOHD NOOR – GS 26823

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan

Muhammad Fauzi

bin Jumingan;

PHD

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan

Pabiyah Tok Lubok

@ Haji Maming;

PHD

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI</b>	xiii

### BAB

<b>1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	1
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	5
1.7 Batasan Kajian	6
1.8 Definisi Istilah	7
1.8.1 Semantik	7
1.8.2 Makna <i>al-Rabb</i>	7
1.8.3 Surah al-Baqarah	7
1.9 Kesimpulan	8
<b>2 SOROTAN KAJIAN LITERATUR</b>	9
2.1 Pendahuluan	9
2.2 Konsep Semantik	9
2.3 Kajian-Kajian Lepas	10
2.4 Kesimpulan	16
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	17
3.1 Pendahuluan	17
3.2 Reka Bentuk Kajian	17
3.2.1 Kaedah Pengkajian Kepustakaan	18
3.2.2 Kajian Korpus	19
3.3 Bahan Kajian	19
3.3.1 Pemilihan Teks	20
3.3.2 Perkaedahan	21

3.4	Tatacara Analisis	21
3.3	Kesimpulan	22
<b>4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>23</b>
4.1	Pendahuluan	23
4.2	Analisis Kecepatan Kosa Kata <i>Al-Rabb</i>	23
4.3	Analisis Makna <i>Al-Rabb</i> Dalam Surah Al-Baqarah	29
4.3.1	Makna Pertama Kosa Kata <i>al-Rabb</i> : Memelihara dan menjamin atau memenuhi keinginan yang dipelihara	33
4.3.2	Makna Kedua Kosa Kata <i>al-Rabb</i> : Membimbing serta mengawasi di samping memperbaiki dalam segala hal	36
4.3.3	Makna Ketiga Kosa Kata <i>al-Rabb</i> : Tuan besar, majikan, pemimpin yang bagaikan asas sesebuah masyarakat yang padanya tergantung ketamadunan masyarakat tersebut	48
4.3.4	Makna Keempat Kosa Kata <i>al-Rabb</i> : Ketua yang diakui kekuasaannya, berwibawa dan yang semua perintah-perintahnya dipatuhi dan diendahkan	59
4.3.5	Makna Kelima Kosa Kata <i>al-Rabb</i> : Raja dan pemilik	66
4.4	Kesimpulan	66
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>69</b>
5.1	Pendahuluan	69
5.2	Rumusan Kajian	69
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	70
5.4	Kesimpulan	72
	<b>RUJUKAN</b>	<b>73</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>79</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>101</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>102</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual 1</b> - Analisis Kekerapan <i>Al-Rabb</i> Dalam Al-Baqarah	24
<b>Jadual 2</b> - Analisis Kekerapan Kata Ganti Diri Pada <i>Al-Rabb</i>	27
<b>Jadual 3</b> - Rumusan Makna <i>Al-Rabb</i> dalam Surah Al-Baqarah	63



## SENARAI RAJAH

**Rajah 1** – Makna *al-Rabb* Berdasarkan Kamus..... 30

**Rajah 2** – Kerangka teori al-Mawdudi berkaitan makna *Al-Rabb*..... 32





## SENARAI SINGKATAN

A.S.	:	‘Alaihi assalām
S.A.W	:	Sallallahu ‘Alaihi Wasallām
S.W.T	:	Subhanahu Wata‘ālā
t.t	:	Tanpa tarikh
bil	:	Bilangan
r.a	:	Radiya Allāhu ‘Anhu

**PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI  
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 2008)**

HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

HURUF ARAB	HURUF RUMI
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ي	,
ء	y
ة	ṯ

**B. Vokal**

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	a	أي	ay
ي	I	ي	i	أو	aw
و	U	و	u		



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Bab ini meliputi beberapa aspek asas berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Aspek-aspek asas tersebut amat penting dalam sesuatu kajian. Oleh itu, antara aspek-aspek tersebut adalah latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan juga definisi istilah.

### 1.2 Latar Belakang Masalah

Al-Quran al-Karim merupakan suatu mukjizat yang agung dan menjadi pedoman dan panduan kepada semua umat Islam dalam menjalani kehidupan, sesuai pada setiap zaman dan tempat (Anshari.1994:132 Jilid IV).

Firman Allah S.W.T;

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

(Surah al-Isra':9)

Maksudnya : *Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan orang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.*

Kedudukan al-Quran sebagai sumber asas ajaran Islam dapat dilihat menerusi ayat-ayatnya, contohnya dalam surah an-Nahl ayat 64 dan surah Shad ayat 29. Dua ayat tersebut mengungkapkan hakikat bahawa al-Quran merupakan khazanah yang penting

dalam kehidupan dan kebudayaan manusia terutamanya dalam bidang kerohanian dan merupakan pedoman pendidikan kemasyarakatan, moral dan spiritual.

وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ لَهُمُ الَّذِي أَخْتَلَفُوا فِيهِ  
وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

(Surah an-Nahl : 64)

Maksudnya: *Dan tiadalah Kami menurunkan al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) melainkan supaya engkau menerangkan kepada mereka akan apa yang mereka berselisihan padanya dan supaya menjadi pertunjuk dan rahmat bagi orang yang beriman.*

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو  
الْأَلْبَابِ

(Surah Shad : 29)

Maksudnya: *(al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), - Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.*

Namun begitu, faedah dan manfaat al-Quran tidak akan dapat dicapai kecuali dengan memahami bahasa al-Quran, iaitu Bahasa Arab. Inilah satu-satunya bahasa yang dipilih oleh Allah S.W.T. sebagai bahasa al-Quran dan bahasa ini dijamin terpelihara sehingga ke akhir zaman disebabkan sumber utama Islam, iaitu al-Quran merupakan panduan manusia sepanjang zaman, sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah Az-Zukhruf ayat 3:

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.*

Kajian terhadap bahasa al-Quran dari pelbagai aspek merupakan satu keutamaan bagi sarjana Islam sepanjang zaman. Perkara ini merupakan satu tanda keprihatinan umat Islam kepada ayat-ayat Allah S.W.T.

Walaupun bahasa Arab merupakan bahasa yang unggul sebelum kedatangan Islam lagi, penurunan al-Quran telah memberikan kesan yang amat besar terhadap perkembangan bahasa Arab sehingga menjadikannya sebagai bahasa intelektual dan ketamadunan. Al-Quran juga telah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang kaya dengan kosa kata, bahasa yang utuh dengan tatabahasa dan gaya bahasa yang indah hingga dapat mengatasi bahasa-bahasa lain (Azhar bin Muhammad, 2005) .

Semasa penurunan al-Quran, seluruh sasterawan Arab pada ketika itu terpegun dan mengagumi keindahan dan keistimewaan. Tidak kurang juga yang mendapat petunjuk untuk memilih Islam sebagai pegangan hidup bila terdengar alunannya, menatapi baris-baris ayatnya dan memahami serta mengkaji kandungannya. Hal yang sedemikian dapat menjelaskan bagaimana kosa katanya yang indah telah berjaya memikat dan melembutkan hati Saidina Umar al-Khattab r.a. sehingga mengubah konsep ketuhanan jahiliyyah kepada ketuhanan yang sebenar, iaitu Islam. Kosa kata sarat dengan makna ketuhanan ini telah tersebar dan berkembang dengan pesatnya dengan tersebarnya akidah Islam di seluruh dunia.

Kandungan al-Quran akan mampu difahami secara tepat dan terperinci sekiranya seseorang mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran. Penelitian yang mendalam terhadap bahasa Arab dan setiap kosa katanya memperlihatkan rahsia pemilihannya sebagai bahasa wahyu dan bahasa penyebaran dakwah ketuhanan.

Kajian-kajian yang dibuat oleh para sarjana bahasa dari pelbagai aspek terutama ilmu linguistik telah membuktikan keunikan dan keistimewaan bahasa Arab yang tidak terdapat pada bahasa-bahasa lain. Salah satu daripada cabang ilmu linguistik ialah kajian semantik.

Menurut Kamus Dewan (2005), semantik bermaksud kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata. Bidang makna atau semantik merupakan satu kajian yang amat penting memandangkan kajian bahasa tidak akan sempurna jika tiada unsur makna. Oleh yang demikian, kajian yang mendalam adalah perlu dalam menghuraikan kaitan ilmu-ilmu bahasa Arab ini dengan cara memahami kosa kata ayat al-Quran mengikut kehendak yang sebenarnya.

Ilmu semantik mempunyai kedudukan yang penting dalam bahasa Arab. Kata-kata yang mengandung ketinggian *fasahah* dan *balaghah*, serta keistimewaan *al-ma'āni* (المعاني) dan *al-bayān* (البيان) dapat difahami dan dirasai berdasarkan ilmu ini. *I'jāz* al-Quran, rahsia-rahsia penurunan ayat dan maksud umum ayat dapat difahami dengan baik berdasarkan ilmu semantik. Kejahilan mengenai rahsia-rahsia ilmu semantik ini menyebabkan kita tidak dapat merasai kesan *i'jāz* al-Quran. Ilmu semantik memainkan peranan yang penting dalam memahami maksud yang implisit di sebalik binaan struktur ayat. Dengan pengetahuan mengenai ilmu semantik, kita dapat menginterpretasikan makna berdasarkan struktur ayat. Dalam konteks kajian ini, skop kajian adalah analisis semantik bagi kosa kata *al-Rabb* dalam surah al-Baqarah.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Allah S.W.T sebagai Tuhan telah mengurniakan kepada manusia akal dan dengan akal itu manusia dapat memikirkan segala perkara yang ada di dalam kehidupannya, sehingga dapat mengetahui tentang hakikat adanya Tuhan dan sifat-sifat-Nya. Kajian yang merujuk kepada Al-Quran perlu dilakukan untuk mengetahui pengertian Tuhan dalam Islam. Dalam Al-Quran perkataan Tuhan di kenal dengan istilah rabb, malik dan Ilah dan setiap istilah mempunyai penekanan maksud yang tersendiri.

Pengkaji telah meneliti dan menganalisis kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini dan mendapati bahawa kebanyakan kajian menumpukan keistimewaan ilmu al-balāghah terutamanya yang melibatkan lafaz dan makna, serta kaitan *I'jāz* al-balāghah dengan kebenaran al-Quran. Antara kajian-kajian tersebut ialah kajian oleh Nasr al-Din Ibrahim Ahmad (Husin: 2005) yang bertajuk '*Wujūh al-I'jāz fī al-Khitāb al-Uslūbī wa al-Ma'rifi li al-Qur'ān al-Karīm*', kajian oleh Anwar bin Jalal al-Din (2004) yang bertajuk '*Uslūb al-Jinās dalam al-Quran al-Karīm*': khusus Juz '*Amma* dan lain-lain lagi akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab sorotan kajian literatur.

Menurut pandangan Mahmud 'Abd al-Rahim Saleh (1994) pula, kebanyakan pengkaji, penulis dan penyelidik lebih menumpukan perhatian kepada kajian genre puisi Arab sama ada masa lampau dan masa kini. Pengkaji mendapati masih terdapat kelompangan dalam kajian-kajian ilmu linguistik yang menganalisis makna kosa kata dalam al-Quran khususnya kosa kata ketuhanan.

Zikri Mahyar (2007) antaranya, menjalankan kajian berkaitan analisis makna kata *az-zikru* dalam al-Quran al-Karim. Kajian ini menunjukkan terdapat lapan makna kontekstual, iaitu al-Quran, pelajaran dan pengajaran, kitab, kemuliaan, kehormatan, kebesaran, keagungan dan kebanggaan, menerangkan dan penjelasan, wahyu, *Lūh Mahfūz* dan cerita.

Tesis sarjana Zulfan (2009) pula, membahaskan tentang *hāl* pada surah al-Baqarah. Struktur dan bahagian-bahagian *hāl* dikaji dengan menggunakan pendapat yang dikemukakan oleh al-Ghulayaini dalam bukunya *Jami' al-Durūs al-'Arabiyaṭ*. Kajian ini menjurus kepada surah al-Baqarah namun bidang sintaksis adalah berbeza sama sekali dengan bidang kajian makna, iaitu kajian semantik al-Quran.

Manakala kajian yang membincangkan makna kosa kata ketuhanan oleh M. Husnul Fadhilah Nasution (2009), iaitu kosa kata *al-Haqq* dalam al-Quran mendapati terdapat pelbagai makna leksikal. Pada penelitiannya, kajian ini mengenalpasti makna sinonim dan antonim bagi kosa kata *al-Haqq* di mana makna sinonimnya adalah hak, adil, pasti dan hutang piutang, manakala makna antonimnya adalah batil.

Berdasarkan kepada penelitian kajian lepas, masih belum ditemui kajian dibuat berkaitan kosa kata *al-Rabb* dalam al-Quran. Oleh itu, pengkaji merasakan kajian mengenai analisis semantik kosa kata *al-Rabb* dalam surah al-Baqarah adalah penting kerana berdasarkan pembacaan dan kajian-kajian yang lepas, tiada kajian khusus dijalankan di Malaysia mengenai leksikal *al-Rabb*.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Bagi menetapkan hala tuju kajian ini, beberapa objektif telah ditentukan. Ia adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti kekerapan kosa kata *al-Rabb* dalam surah al-Baqarah
- ii. Untuk menganalisis makna *al-Rabb* dalam surah al-Baqarah

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Pengkaji melalui kajian yang dilakukan ini cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Berapa kekerapan kosa kata *al-Rabb* dalam surah al-Baqarah?
- ii. Apakah makna kosa kata *al-Rabb* dalam surah al-Baqarah?



## 1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini dijangka dapat menambah pengetahuan dalam bidang semantik dan ilmu akidah secara amnya dan secara khususnya memberi gambaran yang jelas kepada pengkaji tentang makna kosa kata *al-Rabb* dalam surah al-Baqarah seterusnya memenuhi tuntutan fitrah *Rabbani* selaku khalifah yang wajib beriman dengan penuh yakin kepada Allah S.W.T.

Pada masa yang sama, kajian ini akan memberi motivasi kepada pelajar terutamanya yang mengambil pengkhususan bahasa Arab kerana mengetahui sumbangannya kepada ilmu-ilmu Islam, kepentingan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa di dunia ini, dan malah ia merupakan sumber utama agama Islam, iaitu al-Quran.

Kajian ini juga akan mempertingkatkan dokumentasi ilmiah bagi pengkaji mahupun pembaca yang boleh dijadikan sebagai rujukan dalam kajian yang berkaitan dengan bidang semantik. Ia juga menyumbang kepada para pengkaji untuk membuat pengkajian lanjut mengenai perkaitan ilmu semantik dan ilmu akidah. Ia juga diharapkan akan dapat memberi peluang dan tanggungjawab bagi pengkaji-pengkaji bahasa untuk tampil bersenjatakan kemahiran semantik khususnya sebagai salah satu cabang ilmu linguistik bangkit bersama-sama mengharungi pelbagai ujian dalam menegakkan kebenaran.

Bagi pihak institusi pendidikan, kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan sebagai wacana ilmiah dan acuan untuk melaksanakan penelitian lebih lanjut, khususnya yang berkaitan dengan ilmu semantik. Dari aspek yang lain, kajian ini merupakan satu kesinambungan usaha pengkaji memberi khidmat bakti dalam menegakkan syiar Islam.

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan pada analisis semantik bagi kosa kata *al-Rabb*. Hal ini bermaksud, pengkaji tidak memperincikan kosa kata ketuhanan lain yang turut ada dalam al-Quran, walaupun ia mempunyai kaitan dan kesan tersendiri dari sudut bahasa Arab.

Di samping itu, fokus analisis kosa kata *al-Rabb* yang dikaji adalah dalam surah al-Baqarah sahaja yang mewakili surah Madaniyyah. Walaubagaimanapun, kajian turut memuatkan sebilangan ayat-ayat dari surah lain sebagai contoh dan hujah kepada fakta-fakta yang dikemukakan.

Pengkaji memilih surah al-Baqarah sebagai kajian fokus kerana surah ini merupakan surah terpanjang dan dapat mencakupi contoh-contoh secara khusus. Seperti surah-surah Madaniyyah yang lain, surah ini turut mementingkan pelaksanaan syariat yang tersusun dalam kehidupan orang muslim yang berada dalam masyarakat yang baharu di Madinah, masyarakat yang menyatukan agama dan pemerintahan berasaskan kepada pengukuhan akidah Islam yang berteraskan keimanan kepada Allah S.W.T. Kandungannya yang sebegini dilihat sangat bersesuaian dalam memperlihatkan makna pengkhususan. Ayat-ayat yang terlibat dikeluarkan dan dianalisis dari sudut semantiknya.

## **1.8 Definisi Istilah**

Dalam bahagian ini akan diperjelaskan beberapa istilah dan konsep yang menjadi asas yang menyokong tema kajian yang diusahakan. Definisi istilah dan konsep yang diterangkan dalam bahagian ini merupakan istilah dan konsep yang bersesuaian dengan konteks kajian ini sahaja.

### **1.8.1 Semantik**

Semantik merupakan suatu ilmu yang mengkaji kosa kata atau perkataan yang menyatakan makna dan hubungan makna antara satu kata dengan yang lain. Ia merupakan kajian tentang makna atau ilmu yang mempelajari tentang makna atau merupakan cabang linguistik yang mengkaji tentang teori manusia. Dengan demikian kajian ini akan mencakupi makna kata, perkembangan dan perubahannya.

### **1.8.2 Makna *al-Rabb***

*Al-Rabb* dalam kajian ini merupakan perbendaharaan kata yang berkaitan dengan konsep ketuhanan. Dalam kajian ini, pengkaji akan meneliti makna *al-Rabb* yang bertepatan dalam surah al-Baqarah.

### **1.8.3 Surah al-Baqarah**

Surah al-Baqarah merupakan satu surah daripada surah *Madaniyyah*, iaitu diturunkan sebaik sahaja Nabi Muhammad S.A.W berhijrah ke Madinah. Ia merupakan surah terpanjang dalam al-Quran, iaitu sebanyak 286 ayat yang meliputi juz pertama, kedua dan tiga per lapan daripada juz ketiga.

## 1.9 Kesimpulan

Dalam bab ini telah diuraikan dan dijelaskan perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Dalam bahagian objektif kajian, pengkaji telah menetapkan matlamat-matlamat yang hendak dicapai di akhir kajian ini. Kajian ini diharapkan akan dapat menjawab persoalan kajian yang diutarakan dan memberi manfaat kepada semua pihak termasuk pihak pengkaji sendiri. Kajian ini turut dibataskan skopnya agar ia mudah dan munasabah untuk dilakukan. Akhir sekali, dalam bahagian definisi istilah telah diterangkan maksud beberapa istilah dan konsep yang penting dalam kajian ini.



## RUJUKAN

Al-Qur'an Al-Karim

*Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan.* (2005). Selangor: Yayasan Restu.

Abadi, Al-Fairuz. (2007). *Al-Qamus al-Muhith, I.* Beirut: Dar al-Fikr.

Ababanah, Samy Muhammad. (2007). *al-Ta'fikir al-Uslubi: Ru'yah Mu'asarah fi al-Turath al-Naqd wa al-balaghi fi Daw' Ilmal-Uslub al-Hadith.* Jordan: Alam al-Kutub al-Hadith.

Abbas, Fadl Hasan. (2000). *Al-Balaghah: fununuha wa afnanuha Ilm al-Bayan wa al-Badi.* 'Amman: Dar al-Furqan li al-Nasr wa al-Tawzi.

Abdullah Hassan & Ainon Mohammad, 1999. *Teori dan Teknik Penterjemah.* Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors

Abd Rauf Dato' Haji Hassan. Abdul Halim Salleh. Khairul Amin Mohd Zain. (2005) *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab. Bahasa Arab-Bahasa Melayu.* Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd..

Abd Rizak Husein Qalib. (2005). *'Asālib al-'Amr Wa al-'Istifhām Wa al-Nidā' Fi: Sūrat al-Baqarah: Dirāsat Nahwiyyat Balāghiyyat.* Tesis Sarjana al-Lughat al-Arabiyyat Jabatan Pengajian Bahasa, Fakulti Maārif al-Wahy Wa al-Ulūm Al-'Insāniyyat UIAM

Abd Wahid Salleh. (2006) *Ilm al-Ma'ani.* Malaysia: Bayt al-Hikmah.

Abdul Rahim bin Ibrahim (1999), *Ketidakterusan Perintah dan Larangan Dalam al-Quran: Kajian Terhadap Ayat-Ayat Hukum Surah al-Baqarah.* Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM.

Abdullah bin Hj Haron (2000), *Makna Tersirat Di Sebalik Ayat Tanya : Satu Kajian Deskriptif Dalam Surah al-Naml.* Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM.

Abu al-Futuh, Muhammad Husin. (1995). *Uslub al-Tawkid fi al-Quran al-Karim.* Bayrut: Maktabat Lubnan.

Abu Hamdah, Muhammad Ali. (1983). *Min Asalib al-Bayan fi al-Quran.* 'Amman: Maktabat al-Risalah al-Hadithah.

- Abu Hayyan, Muhammad Yusuf Al-Andalusi. (1993). *Tafsir al-Bahrul Muhit*. Tahqiq; 'Adil Ahmad Abdul Maujud. Lubnan: Dar al-Kotob al-Ilmiah
- Ahmad Mahadzan Ayob (2007), *Kaedah Pengkajian Sosioekonomi*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kotob Al Ilmiah
- Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Al-Quran 'Abra al-Athir juz 2-3*. Cetakan ke-2. Kuala Lumpur: Syarikat Alat Tulis Soorama.
- Ahmad Sunawari Long. (2007). *Pengenalan Metodologi Pengkajian Pengajian Islam*. Cetakan ke-3. Selangor: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, FPI, UKM.
- Al-Abisi, Abd al-Hamid & Ghanim, Fawzi. (2000). *Al-Badi al-Arabi; Taswir wa Ta'bir*. 2000. al-Qahirah: Universiti al-Azhar.
- Al-Azhari, Abu Mansur Muhammad ibn Ahmad. (2001). *Mu'jam Tahdhib al-lughah*. Tahqiq: Dr. Riyad Zaky Qasim. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Baqillani, Abu Bakr Muhammad ibn al-Tayyib. (T.th). *I'jaz al-Quran*. Tahqiq; Sayyid Ahmad Saqr. Lubnan: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bayhaqi, Ahmad ibn al-Hussin ibn Ali ibn Musa Abu Bakr, (1994). *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*. Tahqiq: `Ata. Muhammad Abd al-Qadir. Makkah: Maktabat Dar Al-Baz.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail Abu Abd Allah al-ja'fi. (1987). *Al-Jami` al-Sahih al-Mukhtasar*. Tahqiq. Dr. Mustafa al-Bugha. Bayrut: Dar ibn Kathir al-Yamamah.
- Al-Jahiz, Abu Uthman Amr Ibn Bahr. (1998). *Al-Bayan Wa al-Tabyin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Jamili, al-Sayyid. (1993). *Al-Balaghah al-Quraniyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Jurjani, Abd al-Qahir. (1991). *Asrar al-Balaghah*. Tahqiq. Muhammad Abd al-Muna'im al-Khafaji & Abd al-Aziz Sharif. Bayrut: Dar al-Jil.
- Al-Khazin, 'Ala al-Din Ali bin Muhammad. (1995). *Tafsir al-Khazin*. Lubnan: Dar-al-Kotob Al-Ilmiah.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (2001). *Tafsir al-Maraghi*. Terjemahan Muhammad Talib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf. (1998). *Kamus Idris Al-Marbawi Arabi-Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Nukman.

- Al-Mawdudi, Abu al-A'la. (1981). *Bagaimana Memahami Al-Quran: Al-Ilah, Al-Rabb, Al-Ibadah, dan Al-Din*. Surabaya: Penerbit Al-Ikhlash, Translation.
- Al-Naisaburi, Nizam al-Din al-Hasan. (1996). *Tafsir Gharaib al-Quran*. Lubnan: Dar-al-Kotob Al-Ilmiyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2002). *Khutab al-Syaikh al-Qaradawi*. (Terj.) Hasnan Kasan. Selangor: al-Shabab Media.
- Al-Razi, Muhammad Fahrudin. (1993). *Tafsir al-Fakhr al-Razi*. Lubnan: Dar al-Fikir.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Jarir. (1989). *The Commentary on the Qur'an*. New York : Oxford University Press.
- Al-Zamakhsyari, Mahmud bin Omar. (1995). *Al-Kasyaf*. Lubnan: Dar-al-Kotob Al-Ilmiyah.
- Anshari, A. Hafizh,dkk. (1994) *Ensiklopedi Islam. Jilid IV*. Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Anwar Jalal al-Din. (2004). *Uslub al-Jinas Dalam al-Quran al-Karim. Khusus Juz 'Ammah*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 'Akkawi In'am Fawwal. (1996). *Mu'jam Mufasssal fi Ulum al-Balaghah: al-Badi' wa al-Bayan wa al-Ma'ani*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- 'Atiq, 'Abd al-'Aziz. (T. th). *Fi al-Balaghah al-Arabiyyah: 'Ilm al-Ma'ani-al-Bayan-al-Badi'*. Bayrut:Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- 'Ayyat, Shukri Muhammad. (1985). *Ikhtiar wa Tarjamah wa Idafah: Ittijahat al-Bahth al-Uslubi*. Dar al- 'Ulum li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Azani Ismail @ Yaakub, Muhammad Fauzi Jumingan, Zulkifli Ismail dan Azman Che Mat. (t.t). Satu Pemerhatian Ke Atas Leksikal Qala dan Derivasinya dalam Surah Yusuf. *E-Journal of Arabic Studies and Islamic Civilization* (E-ISSN: 2289-67590)
- Azhar bin Muhammad (1997), *Penggunaan Gaya Bahasa Perumpamaan Dalam al-Quran : Satu Analisis*. Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM.
- Azhar Muhammad (2005). *Beberapa aspek keunikan dan keistimewaan bahasa arab sebagai bahasa al-Quran*, 42, 61–75.

- Baharin Mat Zain. (2004). *Himpunan al-Amthal al-Nabawiyah: Satu Kajian Terhadap Uslub Nabi ke Arah Peningkatan al-Tarbiyah al-Ruhiyyah*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Yan Piaw (2011), *Kaedah Pengkajian*, Edisi kedua, Shah Alam : McGraw-Hill Education
- Dub, Rabih.(1999). *al-Balaghah ind Al-Mufassirin Hatta Nihayah al-Qarn al-Rabi` al-Hijri*. Al-Qahirah: Dar al-Fajr li an-Nashr Wa al-Tauzi`
- Fadl, Salah. (1985). *Ilm al-Uslub; Mabadi` Wa Ijraatuh*. Misr: al-Hay aat al-Misriyyah al-Ammah li al-Kitab. Fakulti Bahasa dan Linguistik UM
- Fayyumi, Ahmed Bin Ali Al-Muqri. (2001). *Misbah Al-Munir Arabic-Arabic Dictionary*. Lubnan. Librairie Du Liban Publishers
- Husin, Nasr al-Din Ibrahim Ahmad, (2005). *Wujud al-I`jaz fi al-Khitab al-Uslubi wa al-Ma`rifi li al-Quran al-Karim*. Selangor: Universiti Islam Antarabangsa.
- Hussain bin Unang. (2008). *Kamus At-Tullab (Arab-Melayu)*, Kuala Lumpur, Darul Fikir
- Ismail Sham. (1999). *Muqaranah Bayaniyyah Bayna Uslub al-Quran wa Uslub al-Hadith. Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibnu Kasir, Al-Imam Abul Fida Ismail Ibnu Kathir Al-Dimasyqi. (2000).*Tafsir Ibnu Kasir, Juz 1 Al-Fatihah – Al-Baqarah*. Terjemah: Bahrin Abu Bakar L.C. Bandung: Penerbit Sinar Baru Elgensindo.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Lyons, John. (1995) *Linguistic Semantics : An Introduction*, Cambridge University Press, UK
- Mahmud ‘Abd al-Rahim Saleh, (1994) *Funun al-Natr fi al-Adab al-Abbasiy*, Kementerian Kebudayaan Jordan.
- Mohamed bin Awang (1999), *Fungsi al-Muqābalat Dalam al-Quran: Satu Analisis*. Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM
- Mohamed Helmi bin Sofi (1998), *’Uslūb al-Tawkīd Dalam al-Quran*.Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM

- Mohd Fahmi bin Abdul Khir (2002), *Pengguguran Kata dan Ayat : Satu Analisis Kemukjizatan al-Quran*. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik UM
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Lima. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- M. Husnul Fadhilah Nasution (2009), *Analisis Makna Leksikal dan Relasinya Pada Kata al-Haqqu dalam al-Quran*, Tesis Sarjana, Fakultas Sastra, Program Studi Bahasa Arab, Universitas Sumatera Utara
- Muhammad Fauzi bin Jumingan (2006), *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Muhammad Idris Abdur Rauf Al Marbawi (2008 ), *Kamus Idris Al-Marbawi (Arab-Melayu)*, Kuala Lumpur, Darul Fikir.
- Osman Khalid. 1999. *Al-Amthal (Perumpamaan dan Perbandingan) dalam al-Quran. Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Richards, J., Platt J. & Weber H., (1989) *Longman Dictionary of Applied Linguistics*.
- Roslan bin Abdul Rahman (2005). *Al- 'Istiārat Dalam Surah al-Baqarah : Satu Analisis Balaghah*. Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM
- Sayyid Qutb (2000), *Tafsīr fī Zilāl al-Qur'ān*. (terj.) Yusoff Zaky Haji Yacob. Jil 2 dan 3. cet 1. Kelantan : Pustaka Aman Press.
- Shahrur, Muhammad. (1996). *al-Islām wa al-Imān: Manzumat al-Qiyām*, Damaskus: al-Ahāli li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Sulaiman Masri (2005), *Kaedah Pengkajian Dan Panduan Pengkajian, edisi baru*, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Syed Arabi Idid (2002), *Kaedah Pengkajian Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahazan bin Mohamed (2001), *Al-Fasl Dan al-Wasl : Satu Analisis Dalam Surah al-Mulk*. Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM



Zikri Mahyar (2007), *Analisis Makna Kata Az-Zikru Dalam al-Quran al-Karim*, Tesis Sarjana, Fakultas Sastra, Program Studi Bahasa Arab, Universitas Sumatera Utara.

Zulfan (2009), *Analisis Hālun Pada Surat Al-Baqarah*, Tesis Sarjana, Fakultas Sastra, Program Studi Bahasa Arab, Universitas Sumatera Utara.

